



**SOALAN PRAKTIS BESTARI
PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2014**



**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
EKONOMI ASAS
Kertas 2 Set 1**

3757/2

2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab tiga soalan daripada **Bahagian A** dan satu saoalan wajib di **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di atas kertas kajang. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas kajang pada akhir peperiksaan.*
4. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian A** dan 40 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian B**.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

Bahagian A

[75 markah]

*Jawab mana-mana **tiga** soalan dalam bahagian ini.*

- 1 (a) Gambar di bawah menunjukkan perbincangan antara Ahli Lembaga Pengarah Syarikat MZY Zuesila



Terangkan bagaimana Syarikat MZY Zuesila menyelesaikan masalah ekonomi


[6 markah]

- (b) Gambar di bawah menunjukkan dua jenis barang dalam ekonomi.



- (i) Kenal pasti barang tersebut dari sudut ekonomi. [2 markah]
(ii) Bandingkan **tiga** ciri barang tersebut. [6 markah]

- (c) Gambar di bawah menunjukkan perbualan dua orang sahabat yang tinggal di dua buah negara yang berbeza menggunakan teknologi canggih.



- (i) Tentukan sistem ekonomi di negara Azuan bekerja. [1 markah]
 (ii) Terangkan **tiga** ciri lain sistem ekonomi di negara Azuan bekerja.
 [6 markah]

- (d) Gambar di bawah menunjukkan iklan temuduga untuk jawatan kosong bagi satu jenis pekerjaan.

JAWATAN KOSONG

AISUAH & SILA DISAT ASIHAN

MEMERLUKAN DUA ORANG GURU
BAGI MENGAJAR MURID 4, 5 DAN 6
TAHUN.

KELAYAKAN

- : PEREMPUAN
- : BERUSIA **20THN – 40THN**
- : BERPAKAIAN MENUTUP **AURAT**
- : MINIMUM **SPM**
- : KELEBIHAN KEPADA INDIVIDU YANG TINGGAL BERHAMPIRAN DENGAN LOKASI (**NO. 3 JALAN PI 3/7, TAMAN PULAI INDAH, 81110 KANGKAR PULAI, JOHOR BAHRU**)

BERMINAT???

SILA HUBUNGI **013 9553858 ATAU **0139501320** UNTUK TEMUDUGA**

Jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan selain yang dinyatakan dalam iklan tersebut ? [4 markah]

2. (a) Jelaskan konsep isi rumah. [4 markah]

(b) Gambar di bawah menunjukkan satu cara individu menambah pendapatan.



Adakah anda bersetuju dengan tindakan individu di atas ?

Berikan alasan anda

[6 markah]


(c) Jadual di bawah berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan Encik Amin pada bulan Januari 2013.

Butiran	RM
Gaji	4 500.00
Faedah dari simpanan	100.00
Caruman KWSP	350.00
Perubatan ibu bapa	100.00
Zakat	80.00
Cukai Pendapatan	120.00
Hiburan	50.00
Makanan	600.00

Hitungkan pendapatan boleh guna Encik Amin pada bulan tersebut.

[7 markah]

- (d) Rajah di bawah menunjukkan hubungan antara tingkat harga dengan kuantiti diminta suatu barang



- (i) Hitung nilai keanjalan harga permintaan barang tersebut. [2markah]
Gunakan rumus :

$$Es = \frac{\text{Peratus Perubahan Kuantiti Diminta}}{\text{Peratus Perubahan Harga}}$$

- (ii) Tafsirkan nilai keanjalan harga permintaan pada 2(d)(i) [3 markah]

- (e) Maklumat berikut berkaitan dengan satu projek perumahan kerajaan Malaysia.




Jelaskan kesan ke atas pasaran rumah jika kerajaan melaksanakan projek di atas di seluruh negara [3 markah]

3 (a) Jadual di bawah menunjukkan kuantiti permintaan dan kuantiti penawaran suatu barang di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti Barang (Unit)	
	Permintaan Pasaran	Penawaran Pasaran
30	150	20
40	120	60
50	60	120

- (i) Lukis keluk keseimbangan pasaran di atas kertas graf yang disediakan.
 (Gunakan skala 2 cm = RM10 pada paksi harga dan 2 cm = 20 unit pada paksi kuantiti) [5 markah]
- (ii) Tentukan harga dan kuantiti keseimbangan pasaran barang tersebut [2 markah]
- (iii) Jelaskan keadaan pasaran barang tersebut pada tingkat harga RM50. [3 markah]
- (b) Gambar di bawah menunjukkan dua jenis input yang digunakan dalam pengeluaran jangka pendek .



- (i) Kenal pasti jenis input A dan input B. [2 markah]
 (ii) Bezakan kedua-dua jenis input tersebut. [6 markah]

- (c) Jadual dibawah menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek bagi sebuah firma.

Buruh (orang)	Jumlah keluaran (unit)	Keluaran purata (unit)	Keluaran sut (unit)
0	0	-	-
1	4	4	4
2	12	6	8
3	24	8	12
4	40	10	16
5	50	10	10
6	54	9	4
7	56	8	2
8	56	7	0
9	54	6	-2

Jelaskan hubungan antara buruh dengan keluaran purata dan keluaran sut.

[7 markah]

4. (a) Huraikan tiga sektor ekonomi yang terdapat di Malaysia [9 markah]
- . (b) Gambar di bawah menunjukkan satu perbincangan berkaitan dengan ciri-ciri wang.



Terangkan tiga ciri wang selain di atas.

[6 markah]

- (c) Bagaimanakah Bank Pusat bertindak sebagai jurubank kepada kerajaan?
[4 markah]

- (d) Jelaskan Institusi Kewangan Bukan Bank berikut:

(i)



[3 markah]

(ii)



[3 markah]

5. (a) Gambar di bawah menunjukkan perbualan mengenai suatu keadaan ketidakstabilan ekonomi.

Azah harap dapat la abah, tetapi persaingan sengit kerana sekarang ni ramai sangat orang yang menganggur....

Seronok je nampak, ada harapan anak abah ni dapat kerja di Bank Mesra..., macam mana dengan temuduga ?

Betul tu, sekarang kadar pengangguran di negara kita tinggi.

- (i) Apakah keadaan ketidakstabilan ekonomi tersebut ? [1 markah]
(ii) Bagaimanakah belanjawan negara dapat mengatasi keadaan ketidakstabilan ekonomi di atas ? [6 markah]

- (b) Peta di bawah menunjukkan dua jenis urus niaga.



- (i) Tentukan jenis perdagangan bagi **urus niaga 1** dan **urus niaga 2**
[2 markah]
- (ii) Jelaskan perbezaan bagi kedua-dua jenis urus niaga tersebut selain
yang di tunjukkan dalam peta di atas.
[8 markah]

- (c) Terangkan tujuan kerajaan mengenakan sekatan perdagangan antarabangsa

[8 markah]

Bahagian B

[25 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

Cik Rosifah merupakan salah seorang usahawan muda di negara kita. Beliau telah menubuhkan Syarikat Rosifah Sendirian Berhad yang mengusahakan perniagaan produk pelangsingan badan dan penjagaan kesihatan. Bahan-bahan mentah yang diguna oleh syarikat diimport dari Kanada. Berbekalkan wang RM 180 000, Cik Rosifah Berjaya membeli dua buah mesin untuk memproses produk keluaran syarikatnya. Walau pun baru berada di pasaran, produk keluarannya mendapat sambutan hangat dalam kalangan masyarakat, khususnya dari kaum wanita yang mementingkan penjagaan kesihatan dan kecantikan. Fokus syarikat adalah menerokai pasaran antarabangsa. Sebagai permulaan Cik Rosifah membuka cawangan di Kemboja dan Vietnam berikutnya terdapat permintaan terhadap produknya.

Bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat pada tahun 2013, Syarikat Rosifah Sdn. Bhd. telah menambah mesin dengan mengimport sebuah mesin berteknologi tinggi yang berharga US\$30 000 dari Amerika Syarikat. Kadar pertukaran ialah $US\$1 = RM3.70$. Baru-baru ini terdapat kabar angin menyatakan produk syarikatnya mengandungi bahan yang boleh mengakibatkan kanser. Akibatnya permintaan terhadap produk syarikatnya mengalami penurunan drastik. Sehubungan dengan itu, Cik Rosifah telah membuat keputusan untuk mengeluarkan produk yang menggunakan bahan herba tempatan sepenuhnya. Pada masa yang sama, syarikat membeli sebuah lagi mesin bernilai US\$30 000 dari Amerika Syarikat tetapi kadar pertukaran telah bertukar kepada $US\$1 = RM3.90$.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan berikut:

- Bagaimana unit ekonomi di atas menyelesaikan masalah asas ekonominya. [4 markah]
- Jelaskan bentuk pelaburan yang telah dibuat oleh Syarikat Rosifah Sdn Bhd. [4 markah]
- Terangkan tiga kelebihan perniagaan yang dilakukan oleh Cik Rosifah kepada pengguna di negara terlibat. [6 markah]
- (i) Hitungkan nilai mesin yang diimport oleh Syarikat Rosifah Sdn Bhd dalam Ringgit Malaysia pada tahun 2013. [2 markah]

 (ii) Jelaskan kesan pengimportan mesin tersebut ke atas penawaran Ringgit Malaysia. [2 markah]
- Jelaskan kesan daripada keputusan yang dibuat oleh Cik Rosifah dalam perenggan akhir kepada ekonomi negara. [4 markah]
- Adakah anda bersetuju dengan tindakan Cik Rosifah untuk mengimport sebuah lagi mesin? Beri alasan anda. [3 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT